



18 Januari 2024
18 January 2024
P.U. (A) 14

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSTITUT PENYELIDIKAN DAN
KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN
PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2024

*MALAYSIAN AGRICULTURAL RESEARCH AND
DEVELOPMENT INSTITUTE
(APPOINTMENT, PROMOTION AND
TERMINATION OF SERVICE) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA 1969

KAEDAH-KAEDAH INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2024

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II
PELANTIKAN

4. Pelantikan mengikut skim perkhidmatan
5. Pelantikan warganegara sahaja
6. Pelantikan semula pegawai atau pekhidmat yang telah meletakkan jawatan
7. Pelantikan semula pegawai atau pekhidmat yang dikehendaki bersara
8. Pelantikan semula pegawai atau pekhidmat yang perkhidmatannya telah ditamatkan atau dibuang kerja
9. Pelantikan pegawai atau pekhidmat ke skim perkhidmatan yang lain
10. Perkembalian ke skim perkhidmatan terdahulu
11. Peminjaman pegawai atau pekhidmat

BAHAGIAN III
PENGAMBILAN

12. Tatacara pengambilan
13. Tatacara tapisan
14. Pindaan kelayakan atau syarat bagi urusan pengambilan
15. Kelayakan setaraf
16. Permohonan daripada orang yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, dsb.
17. Tawaran pelantikan oleh Institut
18. Pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan surat aku janji
19. Tapisan keselamatan
20. Akuan setuju terima

BAHAGIAN IV

TARIKH PELANTIKAN, GAJI PERMULAAN DAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

21. Tarikh pelantikan
22. Tarikh pelantikan tetap bagi pegawai atau pekhidmat sementara
23. Penentuan gaji permulaan
24. Gaji permulaan bagi kes khas
25. Pergerakan gaji tahunan

BAHAGIAN V

TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
DAN PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

26. Tempoh percubaan
27. Syarat bagi pengesahan
28. Pelanjutan tempoh percubaan
29. Tarikh pengesahan
30. Kesan pelanjutan tempoh percubaan dengan denda
31. Pemberitahuan pengesahan

BAHAGIAN VI

KEKANANAN

32. Kaedah penentuan kekananan
33. Kekananan pegawai atau pekhidmat yang kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya
34. Kekananan pegawai atau pekhidmat yang diluluskan cuti tanpa gaji atau tidak hadir bertugas

BAHAGIAN VII

OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

35. Opsyen bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
36. Pemberian taraf berpencen

BAHAGIAN VIII

KENAIKAN PANGKAT, PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA

37. Asas kenaikan pangkat
38. Syarat kenaikan pangkat
39. Kenaikan pangkat pegawai atau pekhidmat dalam peminjaman
40. Pengiklanan kekosongan jawatan kenaikan pangkat
41. Tarikh kenaikan pangkat
42. Penentuan gaji kenaikan pangkat
43. Tarikh pergerakan gaji dalam jawatan kenaikan pangkat
44. Pemangkuan dan penanggungan kerja
45. Elaun pemangkuan dan penanggungan kerja

BAHAGIAN IX

PENAMATAN PERKHIDMATAN DAN PELETAKAN JAWATAN

46. Penamatan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat yang belum disahkan
47. Penamatan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat yang gagal dalam tapisan keselamatan
48. Penamatan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat yang gagal untuk disahkan
49. Peluang untuk menunjukkan sebab
50. Notis penamatan perkhidmatan
51. Notis peletakan jawatan
52. Kuat kuasa notis peletakan jawatan
53. Pemendekan notis peletakan jawatan
54. Peletakan jawatan tidak perlu

BAHAGIAN X

PELANTIKAN PEGAWAI ATAU PEKHIDMAT KONTRAK

55. Pelantikan pegawai atau pekhidmat kontrak
56. Penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan pegawai atau pekhidmat kontrak

BAHAGIAN XI

UMUR

57. Umur dan tarikh lahir
58. Umur persaraan

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

- 59. Kuasa Lembaga
- 60. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

AKTA INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA 1969

KAEDAH-KAEDAH INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 25(c) Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 [*Akta 11*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan sebagai **Kaedah-Kaedah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 19 Januari 2024.

Pemakaian

2. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) mana-mana orang yang memohon untuk dilantik ke perkhidmatan Institut; dan

(b) pegawai dan pekhidmat Institut yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik secara tetap, sementara atau kontrak.

(2) Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi—

(a) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah; dan

(b) apa-apa pertukaran pelantikan atau pertukaran tetap sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(3) Bagi maksud subkaedah (2)—

(a) “pertukaran pelantikan” ertinya suatu pelantikan bagi membolehkan seseorang pegawai atau pekhidmat berpindah ke perkhidmatan awam, mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun lain, mana-mana pertubuhan atau apa-apa skim perkhidmatan tanpa terikat dengan proses pelantikan biasa berikutan pembubaran agensi di bawah apa-apa perkhidmatan, penjumudan skim perkhidmatan dan pemansuhan jawatan, atau atas permohonan pegawai atau pekhidmat, atau atas sebab-sebab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik; dan

(b) “pertukaran tetap” ertinya pelantikan tetap seseorang pegawai atau pekhidmat yang sebelum ini dipinjamkan ke perkhidmatan awam, mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun lain atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Jawatankuasa Pemilihan” ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memilih dan mengesyorkan kenaikan pangkat di Institut;

“Jawatankuasa Perjawatan Lembaga” ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan pembangunan Pihak Berkuasa Tertentu;

“kenaikan pangkat” ertinya peningkatan secara hakiki daripada suatu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Pihak Berkuasa Meluluskan;

“Ketua Pusat Tanggungjawab” ertinya seseorang pegawai yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk mengetuai suatu pusat, bahagian, negeri, stesen atau mana-mana unit pentadbiran lain;

“lantikan terus” ertinya pelantikan di gred naik pangkat dalam suatu skim perkhidmatan;

“pegawai” ertinya pegawai yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik secara tetap, sementara atau kontrak;

“pekhidmat” ertinya pekhidmat yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik secara tetap, sementara atau kontrak;

“pelantikan” ertinya pelantikan ke apa-apa skim perkhidmatan dalam perkhidmatan Institut oleh Pihak Berkuasa Melantik secara tetap, sementara atau kontrak;

“pemangkuan” ertinya penjalanan tugas secara sepenuh masa jawatan lain yang lebih tinggi grednya daripada gred hakiki seseorang pegawai atau pekhidmat dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Meluluskan;

“peminjaman” ertinya pelantikan seseorang pegawai atau pekhidmat bagi tempoh masa tertentu ke perkhidmatan awam, mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun lain atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia tanpa memutuskan ikatan pegawai atau pekhidmat itu dengan perkhidmatan hakikinya;

“penanggungungan kerja” ertinya penjalanan tugas, di samping tugas pegawai atau pekhidmat itu sendiri bagi suatu tempoh yang ditentukan, bagi jawatan lain yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tertentu;

“pengamal perubatan berdaftar” ertinya pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], sama ada pegawai perubatan kerajaan atau swasta;

“perkhidmatan Institut” ertinya perkhidmatan pegawai atau pekhidmat yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak menurut seksyen 7 Akta;

“Pihak Berkuasa Melantik” ertinya orang atau jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi pelantikan pegawai atau pekhidmat seperti yang berikut:

(a) bagi pelantikan pegawai, Jawatankuasa Perjawatan Lembaga; dan

(b) bagi pelantikan pekhidmat, Ketua Pengarah;

“Pihak Berkuasa Meluluskan” ertinya pihak yang bertanggungjawab untuk mempertimbangkan dan meluluskan keputusan kenaikan pangkat di Institut seperti yang berikut:

(a) bagi pegawai, Jawatankuasa Perjawatan Lembaga; dan

(b) bagi pekhidmat, Ketua Pengarah Institut;

“Pihak Berkuasa Tertentu” ertinya Pusat Pengurusan Sumber Manusia Institut.

BAHAGIAN II

PELANTIKAN

Pelantikan mengikut skim perkhidmatan

4. (1) Sesuatu pelantikan ke perkhidmatan Institut hendaklah mengikut mana-mana skim perkhidmatan Institut dan syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa.

(2) Apa-apa syarat yang dinyatakan dalam mana-mana skim perkhidmatan Institut boleh dipinda oleh Ketua Pengarah tertakluk pada kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Pelantikan warganegara sahaja

5. (1) Hanya warganegara Malaysia boleh dilantik ke perkhidmatan Institut.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Lembaga boleh, atas alasan kepentingan negara, melantik seseorang yang bukan warganegara secara kontrak.

Pelantikan semula pegawai atau pekhidmat yang telah meletakkan jawatan

6. Seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah meletakkan jawatannya daripada perkhidmatan Institut boleh dilantik semula ke perkhidmatan Institut tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik.

Pelantikan semula pegawai atau pekhidmat yang dikehendaki bersara

7. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), (3) dan (4), seseorang pegawai atau pekhidmat yang dikehendaki bersara daripada perkhidmatan Institut boleh dilantik semula ke perkhidmatan Institut tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik.

(2) Seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah dibersarakan daripada perkhidmatan Institut atas sebab kesihatan boleh dilantik semula ke perkhidmatan Institut jika pegawai atau pekhidmat itu telah disahkan sihat dari segi perubatan dan berkeupayaan untuk menjalankan tugasnya dengan memuaskan oleh suatu panel perubatan yang ditubuhkan atas permintaan Pihak Berkuasa Melantik.

(3) Bagi maksud subkaedah (2), panel perubatan itu hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pengamal perubatan berdaftar, yang salah seorang daripadanya ialah pakar dalam penyakit yang dihadapi oleh pegawai atau pekhidmat yang telah bersara itu.

(4) Bagi maksud kaedah ini, “dikehendaki bersara” ertinya persaraan atas sebab kesihatan, persaraan kerana pelantikan dalam perkhidmatan awam, mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun lain atau mana-mana pertubuhan, atau persaraan disebabkan oleh keputusan Kerajaan mengikut Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*].

Pelantikan semula pegawai atau pekhidmat yang perkhidmatannya telah ditamatkan atau dibuang kerja

8. Seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja daripada perkhidmatan Institut tidak boleh dilantik semula ke perkhidmatan Institut kecuali dengan kebenaran Lembaga.

Pelantikan pegawai atau pekhidmat ke skim perkhidmatan yang lain

9. Seseorang pegawai atau pekhidmat boleh dilantik ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan lain jika pegawai atau pekhidmat itu memenuhi syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan itu.

Perkembalian ke skim perkhidmatan terdahulu

10. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), Pihak Berkuasa Melantik boleh membenarkan seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah disahkan dalam skim perkhidmatannya yang terdahulu sebelum dilantik ke skim perkhidmatan yang lain untuk kembali kepada skim perkhidmatan dan gred yang terdahulunya jika—

- (a) pegawai atau pekhidmat itu gagal untuk disahkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, dengan syarat kegagalan itu bukan disebabkan oleh kelakuannya yang tidak memuaskan; atau
- (b) pegawai atau pekhidmat itu memohon untuk kembali ke skim perkhidmatannya yang terdahulu, dengan syarat pegawai atau pekhidmat itu telah menjalani tempoh percubaan minimum yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang lain itu.

(2) Pihak Berkuasa Melantik boleh membenarkan pegawai atau pekhidmat itu untuk kembali ke skim perkhidmatan dan grednya yang terdahulu sebelum disahkan dalam skim perkhidmatan yang lain jika—

(a) terdapat kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatannya yang terdahulu; dan

(b) jawatan dalam skim perkhidmatannya yang terdahulu berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik yang sama.

(3) Bagi maksud subkaedah (1), pegawai atau pekhidmat itu hendaklah, pada tarikh pegawai atau pekhidmat itu kembali ke skim perkhidmatannya yang terdahulu, diberikan mata gaji atau amaun gaji yang sepatutnya diterima oleh pegawai atau pekhidmat itu jika pegawai atau pekhidmat itu tidak dilantik ke jawatan sekarang, tertakluk kepada gaji maksimum jawatannya yang terdahulu.

(4) Tarikh pergerakan gaji tahunan pegawai atau pekhidmat itu hendaklah berdasarkan tarikh pergerakan gaji tahunan dalam skim perkhidmatan terdahulu.

Peminjaman pegawai atau pekhidmat

11. Seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik secara tetap boleh, dengan persetujuannya, persetujuan Ketua Pengarah dan dengan kelulusan Lembaga, dipinjamkan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, ke perkhidmatan awam, mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun lain atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia.

BAHAGIAN III

PENGAMBILAN

Tatacara pengambilan

12. (1) Apa-apa kekosongan jawatan bagi pengambilan ke perkhidmatan Institut hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian

bahasa kebangsaan.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), iklan itu hendaklah termasuk butiran yang berikut:

- (a) nama jawatan dan taraf pelantikan;
- (b) nama skim perkhidmatan;
- (c) butiran gaji;
- (d) kelayakan akademik dan kelayakan lain;
- (e) status kewarganegaraan pemohon;
- (f) tarikh tutup bagi permohonan;
- (g) alamat yang kepadanya permohonan perlu dihantar;
- (h) apa-apa syarat khas, jika berkaitan; dan
- (i) keterangan tentang jawatan kosong itu.

(3) Walau apa pun subkaedah (1), Pihak Berkuasa Melantik boleh menggunakan apa-apa kaedah lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Melantik untuk mengiklankan kekosongan jawatan itu.

Tatacara tapisan

13. Pihak Berkuasa Melantik boleh melaksanakan apa-apa tatacara tapisan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Melantik bagi maksud melantik calon yang terbaik ke perkhidmatan Institut.

Pindaan kelayakan atau syarat bagi urusan pengambilan

14. Jika kelayakan atau syarat dalam skim perkhidmatan yang berkenaan dengan jawatan kosong itu perlu dipinda bagi maksud urusan pengambilan, Ketua Pengarah hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan memaklukkannya kepada Pihak Berkuasa Melantik.

Kelayakan setaraf

15. Jika Institut mempunyai apa-apa keraguan dalam mana-mana skim perkhidmatan atau iklan bagi apa-apa jawatan kosong mengenai maksud kelayakan yang diiktiraf sebagai setaraf dengan bidang yang dikehendaki dalam skim perkhidmatan, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk penentuan.

Permohonan daripada orang yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, dsb.

16. (1) Apa-apa permohonan daripada mana-mana orang yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun lain, atau mana-mana pertubuhan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tertentu dan Pihak Berkuasa Tertentu boleh mendapatkan ulasan Ketua Jabatan yang berkenaan melalui apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Tertentu.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), “Ketua Jabatan” ertinya seseorang pegawai yang mengetuai suatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa oleh Ketua Jabatan secara bertulis untuk bertindak bagi pihaknya, dan suatu jabatan itu termasuklah—

- (a) suatu Kementerian;
- (b) suatu Jabatan Persekutuan di peringkat persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan;
- (c) suatu Jabatan Persekutuan di luar negara; dan

- (d) mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Tawaran pelantikan oleh Institut

17. (1) Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah membuat tawaran pelantikan kepada calon yang berjaya sama ada secara terus kepada calon yang berjaya atau melalui apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Tertentu.

(2) Surat tawaran pelantikan di bawah subkaedah (1) hendaklah mengandungi maklumat mengenai skim perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(3) Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah memaklumkan mana-mana calon yang tidak berjaya melalui apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Tertentu.

Pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan surat aku janji

18. (1) Mana-mana calon yang akan dilantik ke perkhidmatan Institut hendaklah memenuhi syarat seperti yang berikut:

- (a) calon hendaklah diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan
- (b) calon hendaklah membuat suatu akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783] bahawa dia—
- (i) tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
 - (ii) tidak pernah dibuang kerja;
 - (iii) bukan penagih dadah;
 - (iv) tidak memiliki kewarganegaraan asing;

- (v) tidak bankrap;
- (vi) tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan
- (vii) tidak pernah ditamatkan perkhidmatan daripada perkhidmatan awam.

(2) Sebagai tambahan kepada kehendak di bawah perenggan (1)(b), Pihak Berkuasa Melantik boleh menghendaki calon untuk membuat apa-apa akuan lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(3) Seseorang calon hendaklah menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(4) Apabila dilantik ke skim perkhidmatan yang lain, pegawai atau pekhidmat yang telah memenuhi syarat di bawah subkaedah (1) boleh dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melantik untuk memenuhi syarat itu semula.

(5) Pihak Berkuasa Melantik boleh membatalkan tawaran pelantikan jika calon didapati tidak sihat selepas diperiksa mengikut perenggan (1)(a) atau tidak memenuhi mana-mana syarat yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b) dan subkaedah (3).

(6) Bagi maksud subkaedah (5), mana-mana calon yang telah mula berkhidmat boleh dibayar apa-apa emolumen bagi tempoh perkhidmatannya sebelum tawaran dibatalkan.

(7) Bagi maksud pelantikan calon di bawah subkaedah 5(2), syarat di bawah subperenggan (1)(b)(iv) dan (vii) tidaklah terpakai.

(8) Walau apa pun perenggan (1)(a), Pihak Berkuasa Tertentu boleh mengarahkan seseorang pegawai atau pekhidmat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan lanjutan dan mengemukakan laporan perubatan yang disahkan oleh pengamal

perubatan berdaftar sekiranya difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Tertentu.

Tapisan keselamatan

19. Seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik untuk kali pertama atau dilantik ke skim perkhidmatan yang lain dikehendaki untuk lulus tapisan keselamatan sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tertentu.

Akuan setuju terima

20. (1) Seseorang calon hendaklah mengemukakan suatu pengakuteraan tawaran pelantikan berserta perakuan oleh pengamal perubatan berdaftar, akuan berkanun dan surat aku janji yang dikehendaki di bawah subkaedah 18(1), (2) dan (3) kepada Ketua Pusat Tanggungjawab.

(2) Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengemukakan pengakuteraan tawaran pelantikan daripada calon, berserta perakuan oleh pengamal perubatan berdaftar, akuan berkanun dan surat aku janji yang dikehendaki di bawah subkaedah 18(1), (2) dan (3) dan apa-apa maklumat lain yang diperlukan kepada Pihak Berkuasa Tertentu pada tarikh calon itu melaporkan diri untuk bertugas.

BAHAGIAN IV

TARIKH PELANTIKAN, GAJI PERMULAAN DAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Tarikh pelantikan

21. (1) Tarikh pelantikan seseorang pegawai atau pekhidmat ke perkhidmatan Institut ialah tarikh pegawai atau pekhidmat itu melaporkan diri untuk bertugas melainkan jika ditentukan selainnya oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(2) Pihak Berkuasa Melantik tidak boleh menerima mana-mana pegawai atau pekhidmat yang melaporkan diri untuk bertugas jika pegawai atau pekhidmat itu belum memenuhi syarat bagi pelantikan di bawah subkaedah 18(1).

(3) Bagi maksud subkaedah (2), pegawai atau pekhidmat itu tertakluk kepada tempoh maksimum bagi melaporkan diri untuk bertugas sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik dalam surat tawaran pelantikan pegawai atau pekhidmat itu.

Tarikh pelantikan tetap bagi pegawai atau pekhidmat sementara

22. Jika seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik secara sementara dilantik untuk mengisi apa-apa jawatan tetap yang kosong dalam mana-mana skim perkhidmatan, tarikh pelantikan pegawai atau pekhidmat ke jawatan tetap itu ialah tarikh Pihak Berkuasa Melantik bermesyuarat dan meluluskan pelantikan tetap itu.

Penentuan gaji permulaan

23. (1) Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menentukan gaji permulaan seseorang pegawai atau pekhidmat sebagaimana yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), jika seseorang pegawai atau pekhidmat memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan yang akan disandang olehnya, pegawai atau pekhidmat itu boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(3) Penentuan gaji permulaan yang lebih tinggi di bawah subkaedah (2) hendaklah berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi setiap genap satu tahun pengalaman kerja yang berkaitan itu dan terhad kepada gaji maksimum gred jawatan itu.

(4) Walau apa pun subkaedah (3), Pihak Berkuasa Melantik boleh mempertimbangkan bilangan tahun pengalaman kerja yang berkaitan dalam menentukan gaji permulaan yang lebih tinggi.

(5) Bagi maksud subkaedah (3) dan (4), pengalaman kerja yang dianggap berkaitan bagi seseorang pegawai atau pekhidmat ialah pengalaman kerja yang diperolehi selepas pegawai atau pekhidmat itu memperoleh kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.

(6) Subkaedah (2), (3) dan (4) hendaklah juga terpakai—

(a) bagi menentukan gaji permulaan seseorang pegawai atau pekhidmat yang belum disahkan dalam perkhidmatan, yang kemudiannya dilantik ke skim perkhidmatan yang lain; dan

(b) bagi menentukan gaji permulaan seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik semula mengikut kaedah 6, 7 dan 8.

(7) Jika seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan kemudiannya dilantik ke skim perkhidmatan lain, gaji permulaan pegawai atau pekhidmat itu hendaklah berada pada mata gaji yang lebih tinggi dan terdekat yang perbezaannya hendaklah tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, terhad kepada mata gaji maksimum jawatan baharu.

(8) Jika seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan dilantik ke jawatan lain pada tarikh yang sama atau lebih awal dari tarikh pergerakan gaji pegawai itu dalam jawatannya yang terdahulu, pergerakan gaji dalam jawatannya yang terdahulu, jika ada, hendaklah diberikan terlebih dahulu, terhad kepada amaun gaji maksimum gred itu, sebelum penentuan gaji permulaan pelantikan itu.

(9) Gaji permulaan seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik untuk kali pertama melalui lantikan terus hendaklah berdasarkan mata gaji minimum jawatan itu.

(10) Gaji permulaan seseorang pegawai atau pekhidmat yang belum disahkan dalam perkhidmatan yang pegawai atau pekhidmat itu dilantik melalui lantikan terus hendaklah berdasarkan mata gaji minimum jawatan itu.

(11) Gaji permulaan bagi seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan kemudiannya dilantik melalui lantikan terus hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah (7).

Gaji permulaan bagi kes khas

24. Walau apa pun kaedah 23, Pihak Berkuasa Melantik boleh menentukan apa-apa gaji permulaan bagi seseorang pegawai atau pekhidmat selepas mengambil kira—

- (a) kelayakan khas atau bakat pegawai atau pekhidmat itu; atau
- (b) apa-apa hal keadaan khas sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik berhubung dengan pelantikan pegawai atau pekhidmat itu.

Pergerakan gaji tahunan

25. (1) Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik secara tetap atau sementara hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Pihak Berkuasa Melantik boleh, dalam hal keadaan khas, menentukan tarikh pergerakan gaji pegawai atau pekhidmat itu.

(3) Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai atau pekhidmat yang sedang dalam peminjaman hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(4) Pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai atau pekhidmat hendaklah berdasarkan pencapaian kerja tahunan pegawai atau pekhidmat itu dan apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

BAHAGIAN V

TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PELANJUTAN

TEMPOH PERCUBAAN

Tempoh percubaan

26. (1) Seseorang pegawai atau pekhidmat hendaklah berkhidmat dalam percubaan bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh

Pihak Berkuasa Melantik.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Pihak Berkuasa Melantik boleh, dalam hal keadaan khas, memendekkan tempoh percubaan atau mengecualikan seseorang pegawai atau pekhidmat daripada tempoh percubaan itu.

Syarat bagi pengesahan

27. (1) Seseorang pegawai atau pekhidmat dalam percubaan yang telah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga layak untuk disahkan dalam perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengemukakan borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Pihak Berkuasa Tertentu, sama ada untuk memperakukan atau tidak memperakukan pengesahan dalam perkhidmatan pegawai atau pekhidmat itu.

(3) Jika seseorang pegawai atau pekhidmat diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan, Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengemukakan perakuan bagi pengesahan dalam perkhidmatan itu kepada Pihak Berkuasa Tertentu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pegawai atau pekhidmat itu layak untuk diperakukan untuk pengesahan dalam perkhidmatan, dengan syarat bahawa perakuan itu dikemukakan selepas tempoh percubaan minimum pegawai atau pekhidmat itu tamat.

(4) Jika seseorang pegawai atau pekhidmat tidak diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan, Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengemukakan perakuan itu kepada Pihak Berkuasa Tertentu untuk tidak mengesahkan pegawai atau pekhidmat itu dalam perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(5) Jika Ketua Pusat Tanggungjawab gagal untuk mengemukakan perakuan bagi pengesahan seseorang pegawai atau pekhidmat dalam perkhidmatan di bawah subkaedah (3), pegawai atau pekhidmat itu boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Tertentu untuk disahkan dalam perkhidmatan dan satu salinan permohonan itu

hendaklah dihantar oleh Pihak Berkuasa Tertentu kepada Ketua Pusat Tanggungjawab.

(6) Setelah menerima permohonan di bawah subkaedah (5), Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah menjalankan suatu siasatan dan apabila selesai siasatan itu, Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah mengesahkan pegawai atau pekhidmat itu dalam perkhidmatan jika Pihak Berkuasa Melantik mendapati pegawai atau pekhidmat itu layak untuk disahkan dalam perkhidmatan.

(7) Walau apa pun subkaedah (2), Pihak Berkuasa Melantik tidak terikat dengan perakuan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab dalam mengesahkan seseorang pegawai atau pekhidmat dalam perkhidmatan.

(8) Jika terdapat apa-apa syarat bagi pengesahan dalam perkhidmatan yang perlu dipinda, Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah memperoleh kelulusan Lembaga.

Pelanjutan tempoh percubaan

28. (1) Pihak Berkuasa Melantik boleh melanjutkan tempoh percubaan bagi seseorang pegawai atau pekhidmat, sama ada dengan denda atau tanpa denda, setelah pegawai atau pekhidmat itu melalui tempoh percubaan maksimum sebagaimana yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan.

(2) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan dengan suatu permohonan bagi pelanjutan tempoh percubaan seseorang pegawai atau pekhidmat hendaklah dimaklumkan kepada pegawai atau pekhidmat itu oleh Pihak Berkuasa Tertentu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan.

(3) Jika seseorang pegawai atau pekhidmat belum memenuhi syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan selepas melalui tempoh percubaan sebagaimana yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan, pegawai atau pekhidmat itu boleh mengemukakan suatu permohonan bagi pelanjutan tempoh percubaannya kepada Pihak Berkuasa Tertentu melalui Ketua Pusat Tanggungjawab sebaik sahaja tamat tempoh percubaan maksimumnya, dengan syarat bahawa Ketua Pusat Tanggungjawab belum mengemukakan perakuan untuk tidak mengesahkan pegawai atau pekhidmat itu dalam

perkhidmatan di bawah subkaedah 27(4).

(4) Sekiranya Ketua Pusat Tanggungjawab memperakukan permohonan pegawai atau pekhidmat itu, Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengemukakan borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat dengan segera mengikut subkaedah (2) kepada Pihak Berkuasa Tertentu berserta dengan butiran yang berikut:

- (a) sebab pegawai atau pekhidmat itu tidak disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) syor Ketua Pusat Tanggungjawab sama ada tempoh percubaan patut dilanjutkan, dengan atau tanpa denda;
- (c) butiran terkini perkhidmatan pegawai atau pekhidmat itu; dan
- (d) senarai peperiksaan, jika ada, yang telah diduduki oleh pegawai atau pekhidmat itu, dan tarikh serta keputusan peperiksaan itu.

(5) Pihak Berkuasa Melantik hendaklah meluluskan permohonan bagi pelanjutan percubaan yang dikemukakan di bawah subkaedah (3) jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pegawai atau pekhidmat itu berupaya untuk mematuhi syarat bagi pengesahannya semasa tempoh pelanjutan yang dimohon itu dan Ketua Pusat Tanggungjawab mengesyorkan bahawa tempoh percubaan pegawai atau pekhidmat itu dilanjutkan.

(6) Pelanjutan tempoh percubaan seseorang pegawai atau pekhidmat hendaklah tidak melebihi dua belas bulan.

(7) Walau apa pun subkaedah (6), Pihak Berkuasa Melantik boleh, dalam hal keadaan khas, melanjutkan tempoh percubaan itu bagi tempoh melebihi dua belas bulan.

Tarikh pengesahan

29. (1) Tarikh pengesahan dalam perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat ialah hari pertama selepas tarikh pegawai atau pekhidmat itu memenuhi semua syarat untuk pengesahan di bawah kaedah 27.

(2) Seseorang pegawai atau pekhidmat hendaklah disifatkan sebagai berada dalam percubaan sehinggalah pegawai atau pekhidmat itu disahkan dalam perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Melantik, walaupun jika pegawai atau pekhidmat itu telah memenuhi semua syarat bagi pengesahan di bawah kaedah 27.

Kesan pelanjutan tempoh percubaan dengan denda

30. Seseorang pegawai atau pekhidmat yang tempoh percubaannya dilanjutkan dengan denda di bawah subkaedah 28(1) hendaklah—

- (a) hilang kekananannya bagi suatu tempoh yang sama dengan tempoh pelanjutan itu;
- (b) tidak layak bagi apa-apa pergerakan gaji tahunan dalam tempoh pelanjutan percubaannya; dan
- (c) tertakluk pada tarikh pengesahannya dalam perkhidmatan, diubah tarikh pergerakan gaji tahunan semasanya ke tahun berikutnya.

Pemberitahuan pengesahan

31. Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah, secepat yang boleh dilaksanakan, memaklumkan seseorang pegawai atau pekhidmat tentang pengesahannya dalam perkhidmatan melalui Ketua Pusat Tanggungjawab pegawai atau pekhidmat itu.

BAHAGIAN VI KEKANANAN

Kaedah penentuan kekananan

32. (1) Kekananan seseorang pegawai atau pekhidmat ditentukan seperti

yang berikut:

- (a) bagi seseorang pegawai atau pekhidmat dalam gred lantikan atau gred lantikan terus, mengikut tarikh pegawai atau pekhidmat itu dilantik secara tetap; dan
- (b) bagi seseorang pegawai atau pekhidmat dalam gred kenaikan pangkat, mengikut tarikh pegawai atau pekhidmat itu menyanggah gred itu secara hakiki.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), jika dua atau lebih pegawai atau pekhidmat dilantik secara tetap atau dinaikkan pangkat ke gred yang sama dalam skim perkhidmatan yang sama pada tarikh yang sama, kekananan pegawai atau pekhidmat itu disifatkan sebagai sama.

Kekananan pegawai atau pekhidmat yang kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya

33. Seseorang pegawai atau pekhidmat yang kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya mengikut subkaedah 10(1) hilang kekananannya selama tempoh pegawai atau pekhidmat itu berada di luar skim perkhidmatan terdahulunya.

Kekananan pegawai atau pekhidmat yang diluluskan cuti tanpa gaji atau tidak hadir bertugas

34. Seseorang pegawai atau pekhidmat akan hilang kekananannya jika pegawai atau pekhidmat itu—

- (a) diluluskan cuti tanpa gaji, selain cuti belajar tanpa gaji selama tempoh pegawai atau pekhidmat itu bercuti tanpa gaji; atau
- (b) tidak hadir bertugas tanpa cuti, kebenaran atau sebab yang munasabah selama tempoh ketidakhadiran pegawai atau pekhidmat itu.

BAHAGIAN VII
OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Opsyen bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

35. (1) Seseorang pegawai atau pekhidmat yang berhasrat untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6A Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 hendaklah, sebelum disahkan dalam perkhidmatan, melaksanakan pilihannya dengan menggunakan borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam jawatannya yang terdahulu dan dilantik ke jawatan lain dalam perkhidmatan Institut adalah tertakluk kepada pilihan yang telah dilaksanakan di bawah subkaedah (1).

Pemberian taraf berpencen

36. (1) Seseorang pegawai atau pekhidmat yang tidak memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengikut kaedah 35 layak untuk diberikan taraf berpencen mengikut Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

(2) Apabila pegawai atau pekhidmat itu menjadi layak untuk diberikan taraf berpencen, Ketua Pusat Tanggungjawab pegawai atau pekhidmat itu hendaklah mengemukakan perakuannya dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keenam kepada Pihak Berkuasa Tertentu.

(3) Pelantikan seseorang pegawai atau pekhidmat ke suatu jawatan lain dalam perkhidmatan Institut mengikut kaedah 9 hendaklah tidak menjejaskan taraf berpencen mengikut Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, kecuali jika pegawai atau pekhidmat itu memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja apabila dilantik dalam jawatan lainnya itu.

BAHAGIAN VIII
KENAIKAN PANGKAT, PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA

Asas kenaikan pangkat

37. (1) Kenaikan pangkat pegawai atau pekhidmat hendaklah berasaskan merit.
- (2) Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai atau pekhidmat bagi kenaikan pangkat, Pihak Berkuasa Meluluskan hendaklah mengambil kira—
- (a) kecekapan dan prestasi kerja pegawai atau pekhidmat itu;
 - (b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai atau pekhidmat itu;
 - (c) ciri-ciri peribadi, termasuk kesesuaiannya untuk jawatan kenaikan pangkat itu, integriti, potensi dan kepimpinan pegawai atau pekhidmat itu; dan
 - (d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai atau pekhidmat itu kepada negara dan masyarakat.
- (3) Sebagai tambahan kepada perkara yang dinyatakan dalam subkaedah (2), Pihak Berkuasa Meluluskan boleh mempertimbangkan apa-apa aspek lain yang difikirkan berkaitan olehnya.
- (4) Walau apa pun subkaedah (1), jika dua atau lebih pegawai atau pekhidmat diputuskan sama dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berhubung dengan jawatan kenaikan pangkat dan kekananan pegawai atau pekhidmat itu hendaklah dijadikan asas bagi pemilihan dan pertimbangan.

Syarat kenaikan pangkat

38. (1) Walau apa pun kaedah 37, seseorang pegawai atau pekhidmat boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat jika pegawai atau pekhidmat itu telah

memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan itu memperuntukkan selainnya.

(2) Pihak Berkuasa Meluluskan boleh, dalam hal keadaan khas, mengecualikan apa-apa syarat skim perkhidmatan bagi maksud kenaikan pangkat pegawai atau pekhidmat di bawah subkaedah (1).

Kenaikan pangkat pegawai atau pekhidmat dalam peminjaman

39. Apabila seseorang pegawai atau pekhidmat dalam peminjaman di bawah kaedah 11 telah mematuhi semua syarat bagi kenaikan pangkat, pegawai atau pekhidmat itu hendaklah dipertimbangkan bagi apa-apa jawatan kenaikan pangkat yang berhubung dengan skim perkhidmatan hakikinya.

Pengiklanan kekosongan jawatan kenaikan pangkat

40. (1) Jika Jawatankuasa Pemilihan berpendapat bahawa suatu kekosongan bagi jawatan kenaikan pangkat hendaklah diisi dengan mempelawa calon yang berkelayakan, Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah mengiklankan kekosongan itu melalui apa-apa kaedah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tertentu.

(2) Jika Jawatankuasa Pemilihan berpendapat bahawa terdapat suatu kekosongan jawatan kenaikan pangkat yang tidak menghendaki pengiklanan, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah membuat perakuan kepada Pihak Berkuasa Meluluskan bagi mengisi kekosongan itu dengan memperakukan pegawai atau pekhidmat yang layak, mengikut skim perkhidmatan, untuk pertimbangan.

(3) Bagi maksud subkaedah (2), Jawatankuasa Pemilihan boleh membuat perakuan kepada Pihak Berkuasa Meluluskan tentang apa-apa syarat tambahan yang hendak dikenakan untuk memperoleh bilangan pegawai atau pekhidmat yang berkelayakan yang lebih munasabah.

Tarikh kenaikan pangkat

41. (1) Tertakluk pada subkaedah (2), tarikh kenaikan pangkat seseorang pegawai atau pekhidmat ialah tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Meluluskan.

(2) Bagi kenaikan pangkat ke suatu gred, tarikh kenaikan pangkat hendaklah tidak lebih awal dari tarikh kekosongan jawatan atau tarikh pegawai atau pekhidmat itu layak untuk dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatannya, mengikut mana-mana yang terkemudian, tetapi tarikh itu hendaklah tidak lebih awal dari tarikh kenaikan pangkat terakhir bagi gred yang sama dalam urusan sebelumnya.

(3) Bagi maksud kaedah ini, “kenaikan pangkat ke gred” ialah kenaikan pangkat ke mana-mana gred.

Penentuan gaji kenaikan pangkat

42. (1) Tertakluk kepada subkaedah (3), gaji seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah dinaikkan pangkat hendaklah lebih tinggi daripada gaji akhir yang diterima oleh pegawai atau pekhidmat itu dalam gred terdahulu.

(2) Bagi maksud subkaedah (1)—

(a) gaji terakhir dalam gred terdahulu hendaklah dinaikkan mengikut kadar kenaikan gaji tahunan pada gred kenaikan pangkat atau kadar kenaikan gaji tahunan terakhir yang diterima pada gred terdahulu, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, dari tarikh kenaikan pangkat;

(b) selepas penambahan gaji terakhir pada gred terdahulu, jika jumlah gaji lebih rendah daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat, gaji permulaan bagi kenaikan pangkat pegawai atau pekhidmat itu hendaklah ditetapkan pada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat; dan

- (c) jika seseorang pegawai atau pekhidmat dinaikkan pangkat sebelum atau pada tarikh pergerakan gaji pegawai atau pekhidmat itu dalam jawatannya yang terdahulu, jika ada, gaji hendaklah diberikan sebelum menentukan gaji permulaan dalam jawatan kenaikan pangkat.

(3) Jika seseorang pegawai atau pekhidmat dinaikkan pangkat sebelum atau pada tarikh yang sama dengan tarikh pergerakan gaji pegawai itu dalam jawatan terdahulunya, pergerakan gaji dalam jawatan terdahulunya hendaklah diberikan dahulu sebelum menentukan gaji permulaan dalam jawatan kenaikan pangkat.

Tarikh pergerakan gaji dalam jawatan kenaikan pangkat

43. Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai atau pekhidmat yang dinaikkan pangkat hendaklah ditentukan mengikut tarikh kenaikan pangkatnya berkuat kuasa di bawah subkaedah 41(1).

Pemangkuan dan penanggungan kerja

44. Seseorang pegawai atau pekhidmat boleh, apabila dikehendaki demi kepentingan perkhidmatan Institut dan tertakluk pada kelulusan Pihak Berkuasa Tertentu, diarahkan untuk memangku atau menanggung kerja bagi jawatan lain.

Elaun pemangkuan dan penanggungan kerja

45. Seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah diluluskan untuk memangku atau menanggung kerja bagi jawatan lain layak dibayar elaun memangku kerja atau menanggung kerja mengikut mana-mana undang-undang sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN IX

PENAMATAN PERKHIDMATAN DAN PELETAKAN JAWATAN

Penamatan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat yang belum disahkan

46. (1) Pihak Berkuasa Melantik boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat yang belum disahkan dalam perkhidmatan jika pegawai atau

pekhidmat itu telah—

- (a) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam borang pemeriksaan perubatan;
- (b) membuat apa-apa akuan palsu dalam akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 18(1)(b) dan subkaedah 18(2);
- (c) gagal untuk memenuhi keperluan di bawah subkaedah 18(3); atau
- (d) meminda atau memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya.

(2) Bagi maksud menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat di bawah perenggan (1)(a), Pihak Berkuasa Melantik boleh—

- (a) mengarahkan pegawai atau pekhidmat itu untuk menjalani pemeriksaan kesihatan semula; atau
- (b) mengarahkan pegawai atau pekhidmat itu untuk mengemukakan laporan kesihatan yang diperakui oleh pegawai perubatan berdaftar jika difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melantik.

Penamatan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat yang gagal dalam tapisan keselamatan

47. (1) Perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat yang gagal dalam tapisan keselamatan semasa tempoh percubaan atau tempoh percubaan yang dilanjutkan boleh ditamatkan oleh Pusat Berkuasa Melantik.

(2) Perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat yang gagal dalam tapisan keselamatan selepas disahkan dalam perkhidmatan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

Penamatan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat yang gagal untuk disahkan

48. (1) Pihak Berkuasa Melantik boleh menamatkan perkhidmatan mana-mana pegawai atau pekhidmat yang tidak memenuhi apa-apa syarat bagi pengesahan di bawah kaedah 27.

(2) Seseorang pegawai atau pekhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan dalam skim perkhidmatannya yang terdahulu dan kemudiannya dilantik ke skim perkhidmatan yang lain dalam Institut tetapi gagal untuk disahkan boleh ditamatkan perkhidmatannya.

(3) Apa-apa penamatan yang dibuat di bawah subkaedah (2) hendaklah disifatkan sebagai penamatan demi kepentingan awam dan apa-apa urusan persaraan akibat penamatan tersebut adalah tertakluk pada Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

(4) Bagi maksud kaedah ini, perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat, selain yang disebut dalam subkaedah (1), boleh ditamatkan jika pegawai atau pekhidmat itu tidak dapat kembali ke skim perkhidmatannya yang terdahulu mengikut perenggan 10(1)(a).

Peluang untuk menunjukkan sebab

49. Perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat tidak boleh ditamatkan di bawah kaedah 46, 47 atau 48 melainkan jika pegawai atau pekhidmat itu telah diberikan peluang untuk menunjukkan sebab, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab, mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

Notis penamatan perkhidmatan

50. (1) Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat selepas memberikannya notis bertulis atau satu bulan gaji sebagai ganti notis tersebut jika—

(a) pegawai atau pekhidmat itu tidak memberikan jawapan kepada notis untuk menunjukkan sebab di bawah kaedah 49; dan

(b) Lembaga berpuas hati bahawa tiada sebab yang munasabah wujud untuk tidak menamatkan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat itu.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), tempoh notis bertulis ialah tiga puluh hari.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), bagi seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik ke suatu pelantikan selain daripada pelantikan tetap, tempoh notis bertulis itu hendaklah—

(a) mengikut syarat pelantikan pegawai atau pekhidmat itu; atau

(b) jika tempoh tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikan pegawai atau pekhidmat itu, tiga puluh hari.

Notis peletakan jawatan

51. (1) Tertakluk pada kaedah 53, seseorang pegawai atau pekhidmat yang berhasrat untuk meletakkan jawatan hendaklah mengemukakan notis bertulis seperti yang berikut:

(a) bagi seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik secara tetap, tiga puluh hari sebelum peletakan jawatan itu berkuat kuasa atau satu bulan gaji sebagai ganti notis; dan

(b) bagi pegawai atau pekhidmat yang dilantik selain daripada secara tetap, mengikut syarat pelantikan pegawai atau pekhidmat itu atau jika tempoh tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikannya, tiga puluh hari sebelum peletakan jawatan itu berkuat kuasa atau satu bulan gaji sebagai ganti notis.

(2) Notis peletakan jawatan itu hendaklah dihantar oleh pegawai atau pekhidmat itu kepada Ketua Pusat Tanggungjawab yang hendaklah mengemukakan notis peletakan jawatan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tertentu.

(3) Pihak Berkuasa Tertentu hendaklah merekodkan peletakan jawatan pegawai atau pekhidmat itu dalam rekod perkhidmatan pegawai atau pekhidmat itu.

Kuat kuasa notis peletakan jawatan

52. (1) Peletakan jawatan seseorang pegawai atau pekhidmat hendaklah berkuat kuasa pada hari yang berikutnya selepas hari yang tempoh notis diberikan oleh pegawai atau pekhidmat itu tamat.

(2) Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa tidak boleh ditarik balik.

Pemendekan notis peletakan jawatan

53. Ketua Pengarah boleh membenarkan tempoh notis peletakan jawatan bagi mana-mana pegawai atau pekhidmat untuk dipendekkan atas mana-mana sebab yang berikut:

(a) pegawai atau pekhidmat itu ditawarkan jawatan dalam perkhidmatan awam, mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun yang lain, mana-mana pertubuhan atau mana-mana syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan;

(b) pegawai atau pekhidmat itu atau pasangan, anak atau ibu bapanya menghadapi apa-apa masalah kesihatan;

- (c) pegawai atau pekhidmat itu menghadiri kursus atau latihan; atau
- (d) apa-apa sebab lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Peletakan jawatan tidak perlu

54. Walau apa pun kaedah 51, seseorang pegawai atau pekhidmat yang dilantik secara tetap dan yang dilantik ke perkhidmatan awam tidak perlu meletakkan jawatan, dengan syarat bahawa pegawai atau pekhidmat itu memaklumkan Pihak Berkuasa Tertentu secara bertulis untuk melepaskan jawatan tersebut.

BAHAGIAN X

PELANTIKAN PEGAWAI ATAU PEKHIDMAT KONTRAK

Pelantikan pegawai atau pekhidmat kontrak

55. (1) Walau apa pun Bahagian II, Pihak Berkuasa Melantik boleh melantik seseorang pegawai atau pekhidmat secara kontrak.

(2) Dasar dan tatacara pelantikan pegawai atau pekhidmat secara kontrak hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan pegawai atau pekhidmat kontrak

56. Subkaedah 50(3) dan perenggan 51(1)(b) hendaklah terpakai bagi penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan seseorang pegawai atau pekhidmat kontrak.

BAHAGIAN XI

UMUR

Umur dan tarikh lahir

57. (1) Jika sesuatu skim perkhidmatan menetapkan keperluan umur, umur yang dimaksudkan ialah umur mengikut kalendar Gregorian.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), umur seseorang ditentukan seperti yang berikut:

- (a) jika tarikh lahir sebenar diketahui, umur hendaklah mengikut tarikh itu;
- (b) jika hanya bulan diketahui, hari terakhir bulan tersebut hendaklah disifatkan sebagai tarikh lahir;
- (c) jika hanya tahun diketahui, 31 Disember tahun itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh lahir;
- (d) jika tarikh lahir ialah 29 Februari, hari ulang tahun tarikh lahir orang itu bagi tahun yang tidak mempunyai tarikh 29 Februari hendaklah disifatkan pada 1 Mac.

Umur persaraan

58. Umur persaraan seseorang pegawai atau pekhidmat adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

Kuasa Lembaga

59. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, secara bertulis, melantik mana-mana pegawai untuk menjalankan apa-apa peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Kecualian dan peralihan

60. (1) Tiada apa-apa pun dalam Kaedah-Kaedah ini boleh menjejaskan kesahan dan pelaksanaan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Lembaga sebelum kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibuat oleh Lembaga berhubung dengan pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat Institut, dan keputusan itu hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan

kesan sepenuhnya walau apa pun jua yang tidak konsisten atau bertentangan dengan mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Semua perkara dan prosiding yang belum selesai di hadapan Pihak Berkuasa Melantik sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah terus diuruskan mengikut apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan pentadbiran yang berhubungan dengan pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan perkhimatan seolah-olah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan pentadbiran itu tidak dibatalkan.

(3) Apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan pentadbiran yang dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah terus terpakai setakat peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan pentadbiran itu tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL PERTAMA

SURAT AKU JANJI

[Subkaedah 18(3)]

Rujukan: _____

SURAT AKU JANJI

Saya, _____, No. Kad Pengenalan. _____,
beralamat di _____,

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi peruntukan Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*], pekeliling dan surat pekeliling, serta apa-apa peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan atau Institut dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya dengan Institut. Maka dengan itu saya berjanji, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan Berkanun, bahawa saya

- (i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan Malaysia, dan Institut;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- (iii) tidak akan membelakangkan tugas awam saya demi kepentingan peribadi saya;
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas awam saya;
- (v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi saya sehingga menjejaskan kebergunaan saya sebagai pejawat awam;

- (vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai penjawat awam bagi faedah diri saya sendiri;
- (vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam ;
- (viii) tidak akan membawa atau cuba membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau tuntutan penjawat awam lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
- (ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Surat Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib menurut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

.....
(Tandatangan Pegawai)

.....
(Jawatan Pegawai)

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan)

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan)

.....
(Tarikh)

.....
(Cap Rasmi)

JADUAL KEDUA

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

[Subkaedah 25(1)]

<i>Tarikh pelantikan</i>	<i>Tarikh pergerakan gaji</i>
1 Januari hingga 31 Mac	1 Januari tahun yang berikutnya
1 April hingga 30 Jun	1 April tahun yang berikutnya
1 Julai hingga 30 September	1 Julai tahun yang berikutnya
1 Oktober hingga 31 Disember	1 Oktober tahun yang berikutnya

JADUAL KETIGA

BORANG PERAKUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

[Subkaedah 27(2)]

**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN
PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
SERDANG, SELANGOR**

Rujukan Anda:

Rujukan Kami:

Pengarah,
Pusat Pengurusan Sumber Manusia
Ibu Pejabat MARDI
Serdang, Selangor
(Untuk perhatian.:)

PERAKUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

NAMA:

JAWATAN:

NO. KAKITANGAN:

Adalah dengan ini diperakui bahawa pegawai/pekhidmat di atas tiada tindakan tatatertib. Oleh yang demikian perakuan saya berhubung dengan perkhidmatan beliau adalah seperti berikut:

Saya *perakui/tidak perakui :

.....
.....
.....

(Tandatangan & cap)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

* Potong yang tidak berkenaan.

JADUAL KEEMPAT

PERAKUAN PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

[Subkaedah 28(4)]

**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN
PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
SERDANG, SELANGOR**

Rujukan Anda:

Rujukan Kami:

Pengarah,
Pusat Pengurusan Sumber Manusia
Ibu Pejabat MARDI
Serdang, Selangor
(Untuk perhatian.:)

Tuan/Puan,

PERAKUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

NAMA:

JAWATAN:

NO. KAKITANGAN:

Perakuan dan sokongan saya tentang perkhidmatan beliau adalah seperti berikut:

Saya berpendapat bahawa ****ada kemungkinan/tidak ada kemungkinan*** pegawai atau pekhidmat ini akan disahkan dalam perkhidmatannya sekiranya tempoh percubaannya dilanjutkan.

Dengan ini saya ****menyokong/tidak menyokong*** agar tempoh percubaan pegawai atau pekhidmat ini dilanjutkan seperti yang dicadangkan oleh Pihak Berkuasa Tertentu.

(Tandatangan & cap)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

*Potong yang tidak berkenaan.

JADUAL KELIMA

BORANG OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

[Kaedah 35]

Rujukan Jabatan: _____

TAWARAN OPSYEN UNTUK MEMILIH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA SELARAS DENGAN SUBSEKSYEN 6A(1) AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 [AKTA 239]

Saya, (.....), yang telah dilantik ke jawatan **Gred** dalam kumpulan perkhidmatan..... pada....., dengan ini **bersetuju/tidak bersetuju*** untuk memilih **SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**.

2. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya tidak memilih **SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**, maka saya dengan sendirinya tertakluk di bawah Skim Pencen mengikut Akta 239**.

Terima kasih.

Yang benar,

.....
(Tandatangan)

Disaksikan oleh:
(Tandatangan & cap)

Nama:

Jawatan:

No. Kad Pengenalan (Baharu):

Tarikh:

* Potong yang tidak berkenaan.

** Perenggan ini hendaklah dipotong sepenuhnya jika pegawai memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

JADUAL KEENAM
BORANG PERAKUAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

[Kaedah 36]

Rujukan:_____

INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

**PERAKUAN KELAKUAN BAIK
(UNTUK TUJUAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN)**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa **NAMA** dan **NOMBOR KAKITANGAN** yang sedang berkhidmat di Pusat/Bahagian/Stesen **PENEMPATAN** sebagai **JAWATAN** Gred ... yang mana telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun perkhidmatan pada..... . Beliau telah menjalankan tugasnya dengan jujur, tekun dan berkebolehan dan saya berpuas hati dengan perkhidmatannya ini dan juga dengan sifat peribadi, perangai dan kelakuannya yang tiada tindakan tatatertib diambil terhadapnya. Maka dengan ini saya memperakukannya untuk diberikan taraf berpencen.

Tandatangan pihak berkuasa memperakui:

Nama penuh pegawai memperakui:

Jawatan:

Tarikh:

LAMPIRAN

Adalah disahkan bahawa salinan kad pengenalan di atas adalah salinan sebenar bagi kad pengenalan milik Tuan/Puan/Cik:

Tandatangan pihak berkuasa mengesahkan:

Nama penuh pegawai yang mengesahkan:

Jawatan:

Tarikh:

Dibuat 2 Oktober 2023
[KP/LA/564/2 JLD.3; PN(PU2)325/V]

DR. AZMAN BIN ISMAIL
*Pengerusi Lembaga Pengelola Institut
Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia*

Diluluskan 28 November 2023
[KP/LA/564/2 JLD.3; PN(PU2)325/V]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

MALAYSIAN AGRICULTURAL RESEARCH AND DEVELOPMENT INSTITUTE ACT 1969

MALAYSIAN AGRICULTURAL RESEARCH AND DEVELOPMENT INSTITUTE
(APPOINTMENT, PROMOTION AND TERMINATION OF SERVICE)
RULES 2024

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

APPOINTMENT

4. Appointment according to scheme of service
5. Appointment of citizens only
6. Reappointment of officer or servant who has resigned
7. Reappointment of officer or servant who has been required to retire
8. Reappointment of officer or servant whose service has been terminated or dismissed
9. Appointment of officer or servant to another scheme of service
10. Reversion to previous scheme of service
11. Secondment of officer or servant

PART III
RECRUITMENT

12. Recruitment procedure
13. Vetting procedure
14. Amendment of qualifications or conditions for recruitment exercise
15. Equivalent qualification
16. Application from person currently serving in public service, etc.
17. Offer of appointment by the Institute
18. Health examination, statutory declaration and letter of undertaking
19. Security vetting
20. Acknowledgement of acceptance

PART IV

DATE OF APPOINTMENT, INITIAL SALARY AND ANNUAL SALARY MOVEMENT

21. Date of appointment
22. Date of permanent appointment of a temporary officer or servant
23. Determination of initial salary
24. Initial salary in special cases
25. Annual salary movement

PART V

PROBATION PERIOD, CONFIRMATION OF SERVICE
AND EXTENSION OF PROBATION PERIOD

26. Probation period
27. Conditions for confirmation
28. Extension of probation period
29. Date of confirmation
30. Effect of extension of probation period with penalty
31. Notification of confirmation

PART VI
SENIORITY

32. Method of determining seniority
33. Seniority of officer or servant who reverts to previous scheme of service
34. Seniority of officer or servant who is granted leave without pay or is absent from duty

PART VII
OPTION FOR EMPLOYEES PROVIDENT FUND SCHEME
AND CONFERMENT OF PENSIONABLE STATUS

35. Option for Employees Provident Fund Scheme
36. Conferment of pensionable status

PART VIII
PROMOTION, ACTING AND COVERING

37. Basis for promotion
38. Conditions for promotion
39. Promotion of officer or servant on secondment
40. Advertisement of vacancy of promotional post
41. Date of promotion
42. Determination of promotional salary
43. Date of salary movement in promotional post
44. Acting and covering
45. Acting and covering allowance

PART IX
TERMINATION OF SERVICE AND RESIGNATION

46. Termination of service of unconfirmed officer or servant
47. Termination of service of officer or servant who fails security vetting
48. Termination of service of officer or servant who fails to be confirmed
49. Opportunity to show cause
50. Notice of termination of service
51. Notice of resignation
52. Coming into effect of resignation notice
53. Shortening of resignation notice
54. Resignation not required

PART X
APPOINTMENT OF CONTRACT OFFICER OR SERVANT

55. Appointment of contract officer or servant
56. Termination of service and resignation of contract officer or servant

PART XI
AGE

57. Age and date of birth
58. Retirement age

PART XII
MISCELLANEOUS

59. Powers of the Board
60. Saving and transitional

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

FOURTH SCHEDULE

FIFTH SCHEDULE

SIXTH SCHEDULE

MALAYSIAN AGRICULTURAL RESEARCH AND DEVELOPMENT INSTITUTE ACT 1969

MALAYSIAN AGRICULTURAL RESEARCH AND DEVELOPMENT INSTITUTE
(APPOINTMENT, PROMOTION AND TERMINATION OF SERVICE) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 25(c) of the Malaysian Agricultural Research and Development Institute Act 1969 [Act 11], the Board, with the approval of the Minister, makes the following rules:

PART I
PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Appointment, Promotion and Termination of Service) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 19 January 2024.

Application

2. (1) These Rules shall apply to—

(a) any person who applies to be appointed to the service of the Institute; and

(b) officers and servants of the Institute appointed by the Appointing Authority on a permanent, temporary or contract basis.

(2) These Rules shall not apply to—

(a) the Director General and Deputy Director General; and

(b) any transfer of appointment or permanent transfer as determined by the Appointing Authority.

(3) For the purposes of subrule (2)—

(a) “transfer of appointment” means an appointment to enable an officer or a servant to be transferred to public service, any local authority, other statutory authority, any organization or any scheme of service without being bound by the normal appointment process pursuant to the dissolution of an agency under any of the services, scheme of service which has been made obsolete and abolishment of posts, or on the application of an officer or a servant, or on other grounds as decided by the Appointing Authority; and

(b) “permanent transfer” means the permanent appointment of an officer or a servant who was previously seconded to public service, any local authority, other statutory authority or any organization in or outside of Malaysia.

Interpretation

3. In these Rules—

“Selection Committee” means the committee responsible for selecting and recommending a promotion at the Institute;

“Personnel Committee of the Board” means the committee responsible for the management and development of the Designated Authority;

“promotion” means the substantive upgrading from a grade to a higher grade within the same service and scheme of service with the approval of the Approving Authority;

“Head of Responsibility Centre” means an officer appointed by the Director General to head a centre, division, state, station or any other administrative unit;

“lateral appointment” means an appointment to a promotion grade in a scheme of service;

“officer” means an officer appointed by the Appointing Authority on a permanent, temporary or contract basis;

“servant” means a servant appointed by the Appointing Authority on a permanent, temporary or contract basis;

“appointment” means an appointment to any scheme of service in the service of the Institute by the Appointing Authority on permanent, temporary or contract basis;

“acting” means the performance of duties on a full-time basis of another post which is of a higher grade than an officer’s or servant’s substantive grade in the same service and scheme of service, with the approval of the Approving Authority;

“secondment” means the appointment of an officer or a servant for a specific period to a service of public service, any local authority, other statutory body or any organisation in or outside Malaysia without severing the ties with his previous service”;

“covering” means the performing of duties, besides the officer’s or servant’s own duties for a specified period, of another post which has been approved by the Designated Authority;

“a registered medical practitioner” means a medical practitioner registered under the Medical Act 1971 [Act 50], whether a government or private medical officer;

“service of the Institute” means the service of an officer or a servant appointed on a permanent, temporary and contract basis in accordance with section 7 of the Act;

“Appointing Authority” means the person or committee responsible for the appointment of officers or servants as follows:

(a) in the case of appointment of officers, the Personnel Committee of the Board; and

(b) in the case of appointment of servants, the Director General;

“Approving Authority” means the body responsible for considering and approving a promotion decision of the Institute as follows:

(a) in the case of the officers, the Personnel Committee of the Board; and

(b) in the case of the servants, the Director General of the Institute;

“Designated Authority” means the Human Resource Management Centre of the Institute.

PART II APPOINTMENT

Appointment according to scheme of service

4. (1) An appointment to the service of the Institute shall be in accordance with any scheme of service of the Institute and the conditions specified in the scheme of service for the time being in force.

(2) Any condition specified in any scheme of service of the Institute may be amended by the Director General subject to the approval of the Director General of Public Service.

Appointment of citizens only

5. (1) Only a citizen of Malaysia may be appointed to the service of the Institute.

(2) Notwithstanding subrule (1), the Board may, on the ground of national interest, appoint a non-citizen on contract basis.

Reappointment of officer or servant who has resigned

6. An officer or a servant who has resigned from the service of the Institute may be reappointed to the service of the Institute subject to the consideration and approval of the Appointing Authority.

Reappointment of officer or servant who has been required to retire

7. (1) Subject to subrules (2), (3) and (4), an officer or a servant who has been required to retire from the service of the Institute may be reappointed to the service of the Institute subject to the consideration and approval of the Appointing Authority.

(2) An officer or a servant who has been medically boarded out from the service of the Institute may be reappointed to the service of the Institute if the officer or servant has been confirmed to be medically fit and capable of performing his duties satisfactorily by a medical panel established on the request of the Appointing Authority.

(3) For the purposes of subrule (2), the medical panel shall comprise of not less than two registered medical practitioners, one of whom is a specialist in the disease which the officer or servant who has retired suffered from.

(4) For the purposes of this rule, “has been required to retire” means medically boarded out, retirement due to appointment in public service, any local authority, other statutory authority or any organisation, or retirement due to the decision of the Government according to the Statutory and Local Authorities Pensions Act 1980 [Act 239].

Reappointment of officer or servant whose service has been terminated or dismissed

8. An officer or a servant who has been terminated or dismissed from the service of the Institute shall not be reappointed to the service of the Institute except with permission of the Board.

Appointment of officer or servant to another scheme of service

9. An officer or a servant may be appointed to a post in another scheme of service if the officer or servant fulfils the conditions specified in such scheme of service.

Reversion to previous scheme of service

10. (1) Subject to subrule (2), the Appointing Authority may allow an officer or a servant who has been confirmed in service in his previous scheme of service before being appointed to another scheme of service to revert to his previous scheme of service and grade if—

- (a) the officer or servant fails to be confirmed in the other scheme of service, provided that the failure is not due to his unsatisfactory conduct; or
- (b) the officer or servant applied to revert to his previous scheme of service, provided that the officer or servant has undergone the minimum probation period specified in the other scheme of service.

(2) The Appointing Authority may allow the officer or servant to revert to his previous scheme of service and grade before being confirmed in the other scheme of service if—

- (a) there is a vacancy of post in his previous scheme of service; and
- (b) the post in the previous scheme of service is under the jurisdiction of the same Appointing Authority.

(3) For the purposes of subrule (1), the officer or servant shall, on the date that the officer or servant is reinstated to the previous scheme of service, be given the salary point or salary amount that the officer or servant should have received if the officer or servant was not appointed to the current post, subject to the maximum salary of his previous post.

(4) The date of the annual salary movement of the officer or servant shall be based on the date of the annual salary movement in the previous scheme of service.

Secondment of officer or servant

11. An officer or a servant appointed on a permanent basis may, with his consent, the consent of the Director General and the approval of the Board, be seconded, subject to such conditions and for such term as determined by the Board, to public service, any local authority, other statutory authority or any organisation, in or outside Malaysia.

PART III RECRUITMENT

Recruitment procedure

12. (1) Any vacant post for recruitment to the service of the Institute shall be advertised in at least one daily national language newspaper.

(2) For the purposes of subrule (1), the advertisement shall include the following particulars:

- (a) the title of the post and the status of appointment;
- (b) the name of the scheme of service;
- (c) particulars of the salary;
- (d) academic and other qualifications;
- (e) the citizenship status of the applicant;
- (f) the closing date for application;
- (g) the address to which application should be sent;

(h) any special conditions, where relevant; and

(i) a description about the vacant post.

(3) Notwithstanding subrule (1), the Appointing Authority may use any other method as the Appointing Authority deems appropriate to advertise the vacant post for recruitment.

Vetting procedure

13. The Appointing Authority may implement any vetting procedure as the Appointing Authority deems appropriate for the purpose of appointing the best candidate to the service of the Institute.

Amendment of qualifications or conditions for recruitment exercise

14. If any qualification or condition in the scheme of service relating to the vacant post needs to be amended for the purpose of recruitment exercise, the Director General shall obtain the approval of the Director General of Public Service and inform the Appointing Authority.

Equivalent qualification

15. Where the Institute has any doubt in any scheme of service or advertisement of any vacant post regarding the meaning of qualification which is recognised as equivalent in the required field of the scheme of service, the matter shall be referred to the Director General of Public Service for determination.

Application from person currently serving in public service, etc.

16. (1) Any application from any person currently serving in public service, any local authority, other statutory body, or any organisation shall be submitted to the Designated Authority and the Designated Authority may acquire the comments of the relevant Head of Department through any suitable means as the Designated Authority thinks fit.

(2) For the purposes of subrule (1), “Head of Department” means an officer who is heading a department or any officer who is delegated with the powers by the Head of the Department in writing to act on his behalf, and a department includes—

- (a) a Ministry;
- (b) a Federal Department at the federal, regional, state or district level in the Federation;
- (c) a Federal Department abroad; and
- (d) any other entity in the public service as determined by the Director General of Public Service.

Offer of appointment by the Institute

17. (1) The Designated Authority shall make an offer of appointment to a successful candidate either directly to the successful candidate or through any suitable means as the Designated Authority deems appropriate.

(2) The offer of appointment under subrule (1) shall contain the information on the scheme of service as determined by the Appointing Authority.

(3) The Designated Authority shall inform any unsuccessful candidate by any means as the Designated Authority deems appropriate.

Health examination, statutory declaration and letter of undertaking

18. (1) Any candidate who is to be appointed to the service of the Institute shall comply with the following conditions:

- (a) the candidate shall be examined and certified to be fit to serve by a registered medical practitioner; and

(b) the candidate shall make a statutory declaration under the Statutory Declarations Act 1960 [Act 783] that he—

- (i) does not have any criminal record;
- (ii) has never been dismissed;
- (iii) is not a drug addict;
- (iv) does not possess foreign citizenship;
- (v) is not a bankrupt;
- (vi) was not medically boarded out; and
- (vii) has never been terminated from public service.

(2) In addition to the requirements under paragraph (1)(b), the Appointing Authority may require the candidate to make any other declaration as the Appointing Authority deems necessary.

(3) The candidate shall sign the Letter of Undertaking as specified in the First Schedule.

(4) Upon being appointed to another scheme of service, an officer or a servant who has complied with the conditions under subrule (1) may be required by the Appointing Authority to comply with the conditions again.

(5) The Appointing Authority may revoke an offer of appointment if the candidate is found to be unfit after being examined in accordance with paragraph (1)(a) or does not comply with any of the conditions mentioned in paragraph (1)(b) and subrule (3).

(6) For the purposes of subrule (5), any candidate who has commenced service may be paid any emolument for the period of his service before the offer of appointment is revoked.

(7) For the purpose of appointment of candidates under subrule 5(2), the conditions under subparagraphs (1)(b)(iv) and (vii) shall not be applicable.

(8) Notwithstanding paragraph (1)(a), the Designated Authority may direct an officer or a servant to undergo further medical examination and to submit a medical report certified by a registered medical practitioner if the Designated Authority deems necessary.

Security vetting

19. An officer or a servant who is appointed for the first time or appointed to another scheme of service is required to pass a security vetting as determined by the Designated Authority.

Acknowledgement of acceptance

20. (1) A candidate shall submit an acknowledgement of acceptance of the offer of appointment together with the certification by a registered medical practitioner, the statutory declaration and the letter of undertaking required under subrules 18(1), (2) and (3) to the Head of Responsibility Centre.

(2) The Head of Responsibility Centre shall submit the acknowledgement of acceptance of the offer of appointment from the candidate, together with the certification by the registered medical practitioner, the statutory declaration and the letter of undertaking required under subrules 18(1), (2) and (3) and any other necessary information to the Designated Authority on the date that the candidate reports for duty.

PART IV

DATE OF APPOINTMENT, INITIAL SALARY AND ANNUAL SALARY MOVEMENT

Date of appointment

21. (1) The date of appointment of an officer or a servant to the service of the Institute shall be the date the officer or servant reports for duty unless determined otherwise by the Appointing Authority.

